

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 82

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan semua hospital di seluruh negara termasuk Sarawak General Hospital, Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak mendapatkan "Fire Certificate" (FC) dan juga "removal of fire hazard (MBK) berikutan pendedahan Jabatan Bomba baru-baru ini di mana bangunan tersebut tidak mempunyai sijil tersebut yang boleh mendedahkan semua pesakit dan pekerja hospital kepada risiko kebakaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan dari segi pengurusan dan juga pengoperasian di semua peringkat di hospital dan klinik kesihatan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memastikan semua fasiliti berkenaan memperolehi Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) dan mematuhi Notis Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK).

Mengikut data sedia ada, jumlah hospital di Negeri Sarawak adalah sebanyak 23 buah, daripada jumlah tersebut sebanyak 17 buah hospital tidak memerlukan Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate, FC*) manakala 5 buah hospital masih tidak mempunyai FC termasuk Hospital Umum Sarawak dan Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak. Pada masa ini, KKM dan pihak hospital sedang dalam tindakan penambahbaikan susulan teguran JPBM semasa *Fire Safety Audit* dilaksanakan bagi memastikan fasiliti-fasiliti berkenaan memperolehi sijil FC.

Sekian, terima kasih.